



AGENSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

KENYATAAN MEDIA

31 Januari 2023

SITUASI SEMASA

Pusat Pemindahan Sementara

Sehingga jam 4 petang, 31 Januari 2023, tiga (3) negeri masih terkesan banjir di mana lapan (8) daerah di negeri Johor, Sabah dan Sarawak kini terjejas. Seramai 2,489 orang mangsa daripada 670 Ketua Isi Rumah (KIR) direkodkan berada di 30 buah Pusat Pemindahan Sementara (PPS).

Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) 7 November 2022 sehingga hari ini sejumlah 139,329 mangsa daripada 39,925 KIR telah berlindung di PPS seluruh Malaysia.

Aras Air Sungai & Amaran Banjir

Terdapat **dua (2)** buah sungai di mana bacaan air berada pada paras **Bahaya** mengikut laporan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sehingga jam 4 petang ini iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Muput, Bintulu	Sarawak
2	Empangan Bekok, Batu Pahat	Johor

Terdapat **enam (6)** sungai di mana bacaan air berada ditahap **Amaran** iaitu;

BIL	SUNGAI	NEGERI
1	Benawa, Miri	Sarawak
2	Selangau B, Sibu	
3	Kuala Balingian, Mukah	
4	S. Keratong di Jam Kuantan/Segamat, Kuantan	Pahang
5	Sg Muar di Buloh Kasap, Segamat	Johor
6	Sg Endau di Kg. Labong, Mersing	

Amaran & Ramalan Cuaca

Sehingga 30 Januari, Amaran Hujan Berterusan Siri ke 10, yang telah dikeluarkan pada 17/01/2023 masih lagi berkuat kuasa bermula 19/01/2023. Menurut ramalan cuaca signifikan yang dikeluarkan Met Malaysia pada jam 3.30 petang ini, berdasarkan analisis model-model cuaca, luruhan monsun yang sedang berlaku di rantau negara kini dijangka akan berterusan sehingga 1 Februari 2023.

Keadaan ini berpotensi menghasilkan hujan berterusan di negeri Sarawak dalam tempoh tersebut. Sehubungan itu, MET Malaysia turut mengemaskini Amaran Hujan Berterusan di kawasan berkenaan berkuat kuasa sehingga 1 Februari 2023. Sementara itu, ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang juga dijangka berlaku di pedalaman dan barat Semenanjung serta utara Sarawak pada sebelah petang dan malam dalam tempoh ramalan. Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan juga telah dikemas kini dan berkuat kuasa sehingga 31 Januari 2023.

Secara amnya cuaca di Semenanjung dilaporkan baik bagaimana pun satu kemaskini

Sepanjang MTL 2022/2023, 10 Siri Amaran Hujan Berterusan telah dikeluarkan dan MET Malaysia meramalkan Amaran Hujan siri ke-10 yang sedang berkuatkuasa ini dijangka berterusan sehingga 5 Februari 2023. Hujan berterusan dijangka akan reda di Sabah walaubagaimanapun hujan berterusan dijangka masih berpotensi berlaku Sarawak dan timur Semenanjung. Cuaca ribut petir pula dijangka berlaku di pedalaman dan barat Semenanjung, pada sebelah petang dan malam.

Jabatan Kerja Raya (JKR) melaporkan setakat 8.00 pagi, 31 Januari 2023, terdapat 7 lokasi kejadian bencana telah berlaku iaitu lima (5) di jalan persekutuan dan dua (2) di jalan negeri (8). Satu (1) kejadian di Negeri Sembilan, empat (4) di Pahang dan tiga (3) di Johor. Kejadian bencana ini melibatkan banjir (1), cerun runtuh (2) dan jalan mendap (4).

Penyelarasan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) Pusat

Menurut Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Johor, empat (4) daerah di negeri itu masih terkesan banjir di mana 2,138 mangsa daripada 602 keluarga masih berlindung di 22 PPS di daerah Batu Pahat, Kota Tinggi, Mersing dan Segamat.

Cuaca semasa dimaklumkan baik dan beberapa PPS dijangka akan ditutup hari ini. Pihak Negeri telah mula membuat koordinasi kerja-kerja pasca banjir dengan kerjasama sukarelawan dan rakan-rakan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

JPB Pusat telah mengarahkan semua JPBN untuk mendapatkan maklumat-maklumat keperluan di peringkat daerah agar penyelarasan bantuan dan pembelian asset bagi kegunaan pasca bencana dapat disegerakan. Penyelarasan Bersama pihak JPS Negeri dan Daerah turut diadakan bagi memastikan pam-pam dapat digerakkan untuk membantu kawasan-kawasan yang berhadapan dengan masalah banjir genang.

Petang ini, YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi turun padang untuk melihat sendiri situasi banjir yang melanda daerah Batu Pahat, Johor. Tiga (3) buah PPS yang dilawati adalah PPS Sekolah Kebangsaan Seri Medan, PPS Sekolah Kebangsaan Seri Sejati dan PPS Dewan Orang Ramai Sri Medan.

Di PPS Dewan Orang Ramai Seri Medan, 20 unit bot (RM300k) telah diserahkan kepada pegawai daerah bagi tujuan memperkuatkukan kelancaran pengoperasian banjir di mana setiap daerah menerima 2 unit bot. Bagi MTL 2022/2023, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)

telah menyerahkan peruntukan berjumlah RM4.8 juta kepada semua negeri untuk tujuan perolehan Bot Fiber Enjin dan Jaket Keselamatan.

Kesemua peruntukan yang telah disalurkan adalah selaras dengan keprihatinan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri dan Agensi Tindak Balas Bencana bagi mengurangkan kesukaran dalam menguruskan bencana MTL saban tahun dan memastikan kebijakan rakyat yang terjejas sentiasa terpelihara.

Rujukan Maklumat Bencana

Bagi mangsa yang memerlukan bantuan kecemasan diminta terus menghubungi talian **999** untuk tindakan lanjut pihak berkuasa. Bagi penduduk yang berada di kawasan terdedah kepada banjir sila patuh arahan pihak berkuasa dan berpindah awal sebelum keadaan menjadi bertambah buruk sesuai dengan amaran hujan berterusan peringkat bahaya oleh METMalaysia. Mohon pantau pergerakan keluarga di kawasan banjir bagi mengelakkan perkara tidak diingini berlaku kepada keluarga masing-masing.

Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) telah memberi peringatan kepada penduduk-penduduk yang berada di kawasan *hotspot tanah runtuh* yang mengalami hujan lebat yang berterusan agar sentiasa peka dengan keadaan sekeliling dan waspada terhadap tanda-tanda berlakunya ancaman tanah runtuh di kawasan kediaman masing-masing. Langkah kewaspadaan ini perlu dikekalkan dalam tempoh 2 hingga 3 hari walaupun selepas hujan berterusan telah berhenti disebabkan keadaan tanah yang telah berlaku/mengalami peresapan air sebelumnya boleh mencetuskan terjadinya tanah runtuh terutamanya di lereng-lereng bukit yang curam yang berkecerunan 25° ke atas.

Sebagai kesiapsiagaan menghadapi banjir, sila rujuk maklumat dan amaran semasa melalui laman web <http://publicinfobanjir.water.gov.my>, facebook: [PublicInfoBanjir](#) dan twitter [@JPS InfoBanjir](#). Bagi maklumat cuaca, orang ramai boleh muat turun aplikasi [myCuaca](#) di Google Play dan App Store untuk maklumat cuaca yang terkini dan sahih dari MET Malaysia.

Bagi mendapatkan info mengenai Pusat Pemindahan Sementara (PPS), orang ramai boleh muat turun aplikasi [InfoBencanaJKM](#) di Google Play dan App Store untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai PPS di seluruh negara.

Pengguna jalan raya diminta untuk sentiasa peka dengan amaran dan rujuk maklumat bencana sebelum memulakan perjalanan. Untuk makluman dan pertanyaan, orang ramai boleh hubungi Bilik Gerakan Bencana (BiGBen) JKR di talian


[03-26107727](tel:03-26107727) atau rujuk laman web <http://bencanaalam.jkr.gov.my> atau twitter [@CSFJ_JKR](#).

Peka amaran bencana agar sentiasa bersiapsiaga. Pastikan anda rujuk maklumat terkini dari sumber yang sahih.

MAKLUMAT TAMBAHAN



LAPORAN TERKINI KEJADIAN BENCANA DI SELURUH NEGARA (pada jam 4:00 PM, 31 Januari 2023)



INDIKATOR

- 1 - 499 Mangsa
- 500 - 999 Mangsa
- Melebihi 1000 Mangsa

MAKLUMAT KESELURUHAN MANGSA DAN KELUARGA

Bil. Keluarga Keseluruhan	:	670	Bil. Keseluruhan Negeri	:	4 Negeri
Bil. Mangsa Keseluruhan	:	2489	Bil. Keseluruhan Daerah	:	8 Daerah Aktif

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN

RAMALAN CUACA SIGNIFIKAN

Berdasarkan analisis model-model cuaca, luruhan monsun yang berlaku di rantau negara dijangka sehingga 4 Februari 2023. Keadaan ini berpotensi menghasilkan hujan berterusan di negeri Sarawak dalam tempoh tersebut. Sehubungan itu, MET Malaysia telah mengemaskini Amaran Hujan Berterusan di kawasan berkenaan berkuat kuasa sehingga 1 Februari 2023.

Sementara itu, ribut petir dan hujan lebat berserta angin kencang juga dijangka berlaku di kawasan pedalaman dan barat Semenanjung, barat Sabah serta utara Sarawak pada sebelah petang dan malam dalam tempoh ramalan.

Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora bagi perairan Laut China Selatan telah dikemas kini dan berkuat kuasa sehingga 1 Februari 2023.

Orang awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa merujuk laman web www.met.gov.my dan semua media sosial serta memuat turun aplikasi **myCuaca** bagi maklumat yang terkini dan sahih.

Dikemas kini : 31 Januari 2023, pada 3:30 petang

MET Malaysia